

**SKIM PERKHIDMATAN
PEREKA**

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	: B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52 , B53/54
TARIKH KUAT KUASA	: 1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik [Pereka Grafik (*Graphic Designer*)] atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia - Visual (*Multimedia Artist - Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,051.80); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik [Eksekutif Rekaan Grafik (*Graphic Designing Executive*)] atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia - Animasi & Visual (*Multimedia*

Designer - Animation & Visual]) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,109.92);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (iii) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,668.78);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B41

- (e) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41:RM1,926.00);
atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,133.30).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv), 1(d)(ii), 1(d)(iii) atau 1(e) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEREKA GRED B21 ATAU B25

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00).

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEREKA GRED B31
ATAU B37**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B31 atau B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan
 - (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN PEREKA
GRED B27**

5. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurusolek Gred B17, B21/22, B25/26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pereka Gred B27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas; dan
- (b) had umur pelantikan
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN PEREKA
GRED B41**

6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurufotografi Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pereka Gred B41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(e) di atas; dan

- (b) had umur pelantikan
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEREKA GRED B43,
B47, B51 ATAU B53**

7. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B43, B47, B51 atau B53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(e) dan 2 di atas;
 - (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (Gaji permulaan lantikan pada Gred B43: RM3,412.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred B47: RM4,959.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred B51: RM5,579.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred B53: RM5,884.00).

SYARAT UJIAN KHAS

8. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

9. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

10. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

11. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

12. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

13. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

14. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

15. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE MANA-MANA GRED

16. Pereka adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Pereka yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

17. Pereka Gred B53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pereka yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002)